

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN
DR. MAHATHIR [JERLUN]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah pendekatan yang diambil untuk menggalakkan sektor swasta melabur dan usahakan ternakan lembu tenusu secara besar-besaran. Adakah Kementerian akan membiarkan bekalan susu terus diimport dalam bentuk serbuk tanpa penekanan kepada jaminan bekalan makanan tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Agromakanan Negara (DAN) dan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti & Strategi 2019 - 2020 sememangnya memberikan penekanan kepada usaha untuk meningkatkan daya saing sektor pertanian berikutan liberalisasi perdagangan antarabangsa. Bagi mencapai matlamat ini usaha meningkatkan pelaburan swasta dipergiatkan dan langkah-langkah yang strategik telah diambil untuk memudahcara penglibatan mereka melalui penyediaan pelbagai insentif bagi sektor pertanian, termasuk sektor penternakan lembu tenusu.
2. Antara insentif yang telah diwujudkan adalah galakan bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 yang

SOALAN NO : 314

berbentuk pengecualian atau potongan cukai bagi projek-projek pengeluaran pertanian termasuk penternakan lembu tenusu. Insentif ini boleh dinikmati oleh syarikat pelaksana dan syarikat pelabur seperti yang berikut: -

- i. Bagi projek baharu, syarikat pelaksana layak menikmati pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun perniagaan selama 10 tahun taksiran bermula dari tahun taksiran pertama pihak syarikat memperoleh pendapatan berkanun perniagaan;
- ii. Bagi projek pembesaran, syarikat pelaksana layak menikmati pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun perniagaan selama 5 tahun taksiran bermula dari tahun taksiran pertama pihak syarikat memperoleh pendapatan berkanun perniagaan; dan
- iii. Syarikat pelabur layak menikmati potongan cukai bersamaan dengan amaun yang dilaburkan dalam syarikat pelaksana yang menjalankan projek baharu.

3. Sehingga tahun 2019, pengeluaran susu segar negara adalah sebanyak 27.8 juta liter dengan tahap saradiri (*self-sufficiency level*, SSL) pada 63.03%. Ini menunjukkan bahawa jumlah pengeluaran susu segar tempatan masih belum berupaya menampung keperluan seluruh rakyat Malaysia. Berikutan daripada itu, Kerajaan masih lagi memberikan kebenaran mengimport produk-produk tenusu ini bagi menampung keperluan susu dalam negara dalam bentuk susu tepung (serbuk) dan juga susu cair.

4. Walau bagaimanapun, MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar sentiasa komited untuk memastikan peningkatan SSL sehingga 100% bagi menjamin pengeluaran bekalan susu segar dalam negara. Antara inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan bagi mencapai sasaran tersebut adalah seperti berikut: -

SOALAN NO : 314

- i. Projek *Entry Point Project 13* (EPP13 Kluster Tenusu) yang mula dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK-10) dan telah membantu seramai 390 penternak tenusu yang mendapat insentif untuk meningkatkan pengeluaran susu di samping meningkatkan pendapatan; dan
- ii. Program Pembangunan Industri Tenusu Negara yang mula dilaksanakan sejak tahun 2017, yang mana salah satu skop di bawah Program ini ialah Transformasi Usahawan Berskala Besar dan insentif yang ditawarkan adalah berupa ternakan serta peralatan berkaitan tenusu.

Sekian. Terima kasih.